

PERBANDINGAN SILIBUS PENGAJIAN MIFTAHUL ULUM, SRI PETALING DENGAN FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI), KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS) DAN SUMBANGAN TERHADAP PENGAJIAN HADIS DI MALAYSIA
A COMPARISON OF THE SYLLABUS OF MIFTAHUL ULUM STUDIES OF SRI PETALING AND THE FACULTY OF ISLAMIC STUDIES AND CIVILISATION, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS) AND THE CONTRIBUTION TO THE STUDY OF HADEETHS IN MALAYSIA

Rosni binti Wazir^{1*}, Md Noor bin Hussin², Kamal Azmi bin Abdul Rahman³

¹ Pensyarah Kanan, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), rosni@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Bahasa dan Lingustik Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mdnoor@kuis.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), kamalazmi@usim.edu.my .

* Penulis pengubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021 | Selepas Pembetulan: 07 November 2021 | Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Pengajian hadis adalah satu bentuk pengajian ilmu Islam yang sedang berlangsung dengan rancak di Malaysia. Ia dilihat sebagai satu perkembangan yang positif seiring dengan kesedaran masyarakat tentang kepentingan hadis dalam kehidupan mereka. Secara umumnya, pengajian hadis di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua bentuk; formal dan tidak formal. Institusi formal melibatkan Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta (IPTS). Manakala Institusi tidak formal boleh dikategorikan kepada masjid dan surau, madrasah, sekolah pondok, organisasi atau pertubuhan. Kajian kualitatif ini akan menumpukan kepada perbandingan pengajian hadis di antara Madrasah Miftah Darul Ulum (MMUSP) dan Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPPI, KUIS dan juga memfokuskan kepada sumbangan MMUSP kepada pengajian hadis di Malaysia. Kajian mendapati bahawa wujud beberapa perbezaan di antara keduanya kerana beberapa faktor seperti kecenderungan bentuk pengajian serta syarat dan terma yang ditetapkan oleh pihak berwajib. Dapatan paling ketara adalah pendekatan MMUSP yang menumpukan kepada pengajian hadis secara dominan dan kemahiran ilmu lain seperti Bahasa Arab, Feqah, Akidah dan lain-lain yang dipelajari secara serentak dengan ilmu al-Hadith.

Kata kunci

Silibus, Pengajian Hadis, Madrasah Miftah Darul Ulum (Sri Petaling), Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, KUIS

Abstract

The study of hadeeth is a form Islamic knowledge studies which is currently flourishing in Malaysia. It is seen as a positive development in line with the awareness of the society on the importance of hadeeths in its life. Generally, the study of hadeeths in Malaysia can be categorised into the formal and informal forms. Formal institutions include secondary schools, and public and private institutions of higher education. While the informal institutions are the mosques, suraus, madrasah, pondok schools, organisations or societies. This qualitative study focuses on the comparison in the study of hadeeths between Madrasah Miftah Darul Ulum (MMUSP) and the Department of al-Quran and al-Sunnah, Faculty of Islamic Studies and Civilisation, KUIS and also on the contribution of MMUSP to the study of hadeeths in Malaysia. The findings show the existence of differences between the two due to factors such as their preference in the form of study, and established terms and conditions by authorities. Significant findings include on the approach of MMUSP which focuses on the dominant study of hadeeths and simultaneous study of other knowledge skills such as the Arabic language, fiqh and akidah.

Keywords

Syllabus, Study of Hadeeths, Madrasah Miftah Darul Ulum (Sri Petaling), Department of al-Quran and al-Sunnah, KUIS

1. Pendahuluan

Hadis-hadis Nabi SAW telah ditulis sejak zaman Nabi SAW lagi oleh para sahabat baginda. Namun, pembukuannya secara besar-besaran hanya berlaku di zaman khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz (w. 101H). Kemudian, ia lebih berkembang pesat dalam bentuk yang lebih tersusun dan sistematik pada kurun ketiga Hijrah. Dalam kurun ini, muncul pelbagai kitab-kitab hadis penting yang menjadi rujukan para ulama selepas itu. Antara kitab hadis utama yang disusun ialah *al-Kutub al-Sittah*, iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Dawud*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan Ibn Majah*. Kitab-kitab hadis ini terus dipelajari dan diriwayatkan daripada satu generasi kepada generasi sehingga sampai kepada kita pada hari ini.

Pengajian hadis merupakan satu cabang penting dalam pengajian Islam yang wujud serentak dengan perutusan Nabi Muhammad SAW. Baginda juga sebagai pembimbing kepada para sahabat RA dan seluruh umat. Hadis-hadis yang disampaikan kepada para sahabat menjadi pedoman kepada mereka dalam menjalani syariat dengan cara yang lurus seterusnya menghasilkan kehidupan yang direcai Allah SWT. Perkembangan pengajian hadis sudah tentunya bermula seawal zaman Nabi Muhammad SAW diutuskan seterusnya pengajian hadis diteruskan oleh para sahabat dan tabiin hingga ke hari ini.

Kini, dalam arus perdana yang kian maju, wujud pelbagai bentuk madrasah atau pengajian hadis yang mempunyai pendekatan yang berbeza, tetapi berkongsi matlamat, wawasan dan misi yang masa, memartabatkan pengajian hadis pada tempatnya yang tertinggi. Maka, secara asasnya ia dibahagikan kepada dua bentuk, formal dan tidak formal. Terdapat beberapa takrifan yang boleh diberikan kepada ciri formal dan tidak formal tersebut dan masing-masing diwakili oleh institusi-institusi yang berbeza.

2. Pengajian Hadis Formal dan Tidak formal

Menurut Kamus Dewan (Edisi Empat), formal bermaksud : menurut peraturan tertentu iaitu sama ada dari segi bentuk, ciri-ciri, cara dan sebagainya yang sudah diterima atau yang dianggap wajar, menurut aturan, menurut adat kebiasaan atau pun rasmi. Tidak formal atau informal pula membawa erti yang sama iaitu tidak formal. Ia bermaksud tidak mengikut cara yang sudah menjadi kebiasaan atau yang sudah ditetapkan.

Sekiranya difahami daripada pengertian di atas, institusi pengajian formal membawa maksud badan atau organisasi seperti universiti, maktab dan sebagainya yang ditubuhkan untuk tujuan pembelajaran dengan mengikut sistem pengajian atau aturan rasmi yang telah diterima dan sudah ditetapkan oleh pihak institusi terbabit (Muhammad Faidz, 2014). Ia boleh dibahagikan kepada dua bentuk :

- i. Sekolah Menengah
- ii. Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta

Menurut Muhammad Faidz (2014), institusi tidak formal membawa maksud sedikit berbeza iaitu institusi yang memiliki sistem pengajian yang berbeza daripada institusi formal. Walaupun disebut sebagai tidak formal, bukanlah bermaksud semua institusi pengajian hadis yang berada di bawah kategori ini adalah tidak bersistematik. Ini kerana ia boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk :

- i. Masjid dan surau
- ii. Madrasah
- iii. Sekolah pondok
- iv. Organisasi atau Pertubuhan

Dalam penulisan ini, satu penelitian berdasarkan analisis dokumen/kandungan dibuat dengan membandingkan silibus pengajian hadis dari dua institusi yang mewakili pengajian hadis formal iaitu Jabatan al-Quran dan al-Sunnah (JQS), Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Madrasah Miftah Darul Ulum Sri Petaling (MUSP). Dapatan turut disokong dengan temu bual responden/informan berkaitan.

3. Kaedah Pengajian Hadis Di Malaysia

Umumnya, terdapat beberapa kaedah pengajian dan penyampaian hadis dalam pengajian hadis secara formal dan informal di Malaysia iaitu; pertama, (a) Kaedah pembacaan kitab Hadis tertentu. Kebanyakan kitab yang dibaca adalah kitab-kitab hadis dalam Bahasa Melayu, seperti *Bahr al-Madhi*, *Syarah Matan al-Arbain*, *Mastika Hadis* dan *Riyad al-Salihin*. Kedua, (b) Kaedah Pengajian hadis secara tematik. Tajuk-tajuk yang ditumpukan dalam pengajian hadis ini ialah: hadis-hadis hukum, seperti kitab terjemahan *Bulugh al-Maram*, dan akidah, seperti kitab *Empat Puluh Hadis Peristiwa Akhir Zaman* oleh Abu Ali Ahmad Fahmi bin Zamzam al-Banjari al-Nadwi (Fauzi Deraman et.al 2010).

Kaedah ketiga yang turut diaplikasikan ialah; (c) kaedah pengajian yang tidak terikat dengan kitab tertentu, tetapi dirujuk kepada banyak kitab hadis yang terkenal dengan penjelasan dan huraian yang luas mencakupi pelbagai bidang seperti akidah, tauhid, akhlak, kemasyarakatan, politik dan sebagainya. Penekanan yang diberi oleh guru pula lebih berdasarkan kepada pengkhususan, minat dan kitab-kitab hadis yang baik bagi mereka. Cara begini biasanya dilakukan di masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana sesuai dengan keadaan orang ramai di

bandar yang umumnya mempunyai berbagai latar belakang disiplin pengajian. Selain itu, kaedah keempat ialah; (d) kaedah ceramah atau kuliah, iaitu penyampaian menerangkan dengan cara yang sesuai dan mudah difahami pelajar. Satu lagi kaedah yang biasa diaplikasikan oleh pensyarah atau pengajar hadis ialah penyampaian dalam bentuk kaedah syarahan yang lebih ditumpukan kepada memberikan kesedaran dan mengaitkan pengajian dengan isu semasa yang berlaku, tidak terburu-buru untuk menghabiskan silibus kitab hadis yang diajar, kerana pengajaran tidak terikat kepada masa yang tertentu untuk menghabiskan silibus yang diajar (Fauzi Deraman et.al 2010).

Secara umumnya, terdapat empat kaedah yang digunakan dalam pengajian hadis di Malaysia :

a) Kaedah Talaqqi Bersanad

Talaqqi bersanad merupakan satu metod yang diaplikasikan dalam pengajian Hadis di Malaysia yang merangkumi konteks riwayat dan sanad, perkara yang paling utama dalam metod *talaqqi bersanad* ialah pengekalan silsilah sanad. Terdapat dua kaedah dilaksanakan iaitu kaedah *al-Sard* dan kaedah *al-Hall wa al-Bahath* (Farhah Zaidar, 2013)

b) Kaedah Tadah Kitab

Ini adalah antara kaedah yang paling banyak digunakan, sama ada secara formal atau tidak formal. Ia juga dilaksanakan secara meluas di institusi pengajian pondok apabila guru akan menerangkan atau memberi makna pada setiap perkataan dalam hadis yang dibaca kerana kitab hadis yang digunakan dalam pengajaran kebiasaannya berbahasa Arab. Pelajar membuat catatan makna hadis di dalam atau tepi kitab yang mereka gunakan. Setelah makna diberikan, guru akan membuat huraian, menjelaskan makna dan hukum-hukum yang diperolehi daripada perkataan-perkataan yang dibaca sebelumnya.

c) Kaedah Hafalan

Kaedah hafalan merupakan salah satu metod yang digunakan dalam pengajian hadis secara meluas. Ia merupakan salah satu kaedah yang terbaik supaya sesebuah hadis tersebut dapat dikekalkan. Kitab *Hadis 40 Imam Nawawi* merupakan antara teks hafalan yang terkenal. Kaedah hafalan turut dilaksanakan di Institut Pengajian Tinggi dengan memasukkan elemen hafalan sebagai salah satu penilaian kepada penguasaan pelajar terhadap hadis yang dipelajari (Muhammad Arif Yahya et.al 2017 dan Azniwati Abdul Aziz et.al 2016)

d) Kaedah Pembelajaran Interaktif

Transformasi dalam dunia khususnya pengajian tinggi telah membawa perubahan kepada kaedah pembelajaran dan pengajaran hadis di Malaysia (Azniwati Abdul Aziz et.al 2016). Elemen pembelajaran abad ke-21 telah diaplikasikan dalam pengajian hadis khususnya dengan membuat perubahan kepada kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar. Antara teknik pembelajaran hadis yang diamalkan adalah seperti teknik soal-jawab, teknik *role-play*, teknik penceritaan, teknik pengukuhan melalui pengulangan (tikrar), teknik perbincangan dan teknik sumbang-saran (*brainstorming*) (Azniwati Abdul Aziz et.al 2016).

Namun begitu, dengan perkembangan ICT hari ini terdapat keadah baru yang digunakan sama ada melibatkan penggunaan platform pembelajaran atas talian serta penggunaan alatan elektronik yang terbaru seperti mendengar hadis secara audio, mengulangi catitan dan hafalan hadis atas talian, menghafal hadis

berbantuan perisian dan program tertentu atas talian contohnya I-Mind, Blog dan lain-lain (Muhammad Arif Yahya 2017).

4. Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling (MMUSP)

MMUSP merupakan sebuah madrasah yang terletak di bahagian selatan Bandaraya Kuala Lumpur. Madrasah ini telah mula beroperasi hampir 25 tahun sejak tahun 1995. Bermula dengan Pengajian Tahfiz pada 3 Jun 1995 yang diwujudkan sebagai usaha untuk melahirkan ulama' yang menghafaz al-Quran dan menghayati isi kandungannya untuk disampaikan kepada masyarakat. Diikuti pula dengan Pengajian Islam dan Bahasa Arab pada 1 Januari 1996. Bahagian ini pula diwujudkan adalah sebagai peringkat persediaan sebelum memasuki alam "*Dawrah al-Hadith*" yang memerlukan kepada penguasaan Ulum Syar'iyah yang mantap kerana ilmu hadis memerlukan penghayatan yang tajam dan ingatan yang kuat. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah memberi kelulusan kepada madrasah ini untuk beroperasi. Sehingga kini, terdapat 30 tenaga pengajar yang sedang berkhidmat dalam MMUSP (Syamsul Niza, 2018; Norsyahira, 2017).

Madrasah ini telah menjadi tempat pilihan ramai bagi pelajar Malaysia sendiri. Begitu juga Indonesia, Singapura, Brunei, Myanmar, Vietnam, Kemboja, Filipina, Jordan, China dan Amerika Syarikat. Sehingga kini madrasah telah beroperasi selama 24 tahun. MMUSP mempunyai beberapa cawangan yang bergiat aktif di dalam dan di luar Malaysia antaranya cawangan di Bukit Changgang, Banting untuk pengajian tahfiz dan cawangan di Kemboja untuk Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Di samping itu juga, MMUSP telah memperluaskan rangkaian untuk membolehkan tiga madrasah lain menjalani Program Berkembar (PB) bersama MMUSP. Tiga madrasah tersebut ialah Madrasah Tahfiz al-Quran Hulu Langat Batu 9, Madrasah Tahfiz al-Quran Kampung Sinaran Baru, Johor Bahru dan Madrasah Tahfiz al-Quran Bukit Kerak Besut, Terengganu (Syamsul Niza, 2018; Norsyahira, 2017).

Penubuhan MMUSP adalah bertujuan untuk memberi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang sistematik dan membimbing orang-orang Islam serta merungkai salah faham dan salah anggap mengenai pendidikan Islam, yang mana barat telah membuat pelbagai propaganda dan pandangan sinis mengenai sistem pendidikan Islam yang berteraskan al-Quran dan Hadis (Temubual Ustaz Syamsul Niza, Ustaz Luqman Nul Hakim dan Ustaz Abdullah Marbuqi pada 27 September 2018).

Wawasan MMUSP adalah melahirkan ulama da'i yang bertakwa, berpegang teguh kepada sunnah, berakhlak mulia yang mampu menyumbang ke arah pembangunan seluruh ummah (Syamsul Niza, 2018). Matlamat penubuhan madrasah pula adalah bertujuan untuk memberi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang sistematik dan membimbing orang-orang Islam. (Abdullah Marbuqi, 2018).

4.1 Pengajaran Dan Pengajian Di MMUSP

Sedari awal, bentuk pengajian di MMUSP terbahagi kepada dua bahagian; pengajian tahfiz dan pengajian 'alim. Pengajian 'alim ini adalah mengkhususkan dalam bidang hadis. Ini bermakna, rangka pengajian yang disusun oleh MMUSP ini adalah menjerus kepada memahirkan pelajar dalam bidang hadis.

Pengajian tahfiz telah bermula pada 1 Jun 1995 meliputi dua kelas pelajar. Manakala kelas pengajian 'alim pula bermula pada 1 Januari 1996 yang menggunakan kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Tirmidhi, Sunan Abi Dawud dan sebagainya. Pada tahun 2002 pihak Madrasah telah memulakan *Dawrah al-Hadithnya* yang pertama (Temubual Ustaz Syamsul Niza, Ustaz Luqman Nul Hakim dan Ustaz Abdullah Marbuqi pada 27 September 2018).

Manhaj yang digunakan di madrasah ini diolah mengikut kesesuaian penggunaannya di Malaysia oleh panel-panel seperti al-Fadil Ustaz Dr. Asmadi bin Sakat, al-Fadil Ustaz Abd Hamid bin Chin dan beberapa orang lagi. Dalam manhaj yang digunakan, beberapa kitab tidak dimasukkan ke dalam manhaj seperti kitab "*Mutanabbi*", *Maqamat al-Hariri*, *Minhafah al-Arabi* kerana ke semua ini merupakan kitab adab yang mempunyai laras bahasa yang tinggi dan sukar difahami. Kitab-kitab adab tersebut telah diganti dengan kitab-kitab hadith seperti kitab *Adab Mufrad* dan kitab *Hayah al-Sahabah*.

Bagi pengajian tahfiz pula, pelajar yang telah menghabiskan 30 juzuk al-Quran boleh mengambil pengajian lanjutan yang dinamakan sebagai Syahadah sebagai pemantapan ilmu al-Quran dan tajwid. Pada tahun 2015 berlaku pemisahan sepenuhnya apabila pengajian tahfiz ini berpindah ke Bukit Changgang Banting, manakala untuk pengajian 'alim dan kitab pula kekal di Sri Petaling (Temubual Ustaz Syamsul Niza, Ustaz Luqman Nul Hakim dan Ustaz Abdullah Marbuqi pada 27 September 2018).

4.2 Syarat Masuk

Pihak MMUSP telah menetapkan syarat-syarat masuk bagi mereka yang berminat untuk melanjutkan pengajian di sana. Syarat-syarat yang dimaksudkan adalah :

- a) Pemohon hendaklah berumur 13 tahun ke atas dan telah tamat pengajian di sekolah rendah atau setaraf dan tidak melebihi 18 tahun.
- b) Mempunyai daya ingatan yang kuat, berminat dan mempunyai kesungguhan.
- c) Boleh membaca al-Quran dengan baik dan lancar.
- d) Boleh membaca dan menulis jawi.
- e) Berakhlak mulia dan bersifat taat.
- f) Mendapat keputusan yang baik atau sekurang-kurangnya 2A dalam peperiksaan UPSR.
- g) Pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan (fakir/miskin) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan juga diterima.
- h) Lulus temuduga oleh pihak MMUSP.
- i) Pihak ibu bapa dan pemohon bersedia untuk patuh kepada tatatertib dan hukuman yang dikenakan oleh pihak madrasah.

Syarat-syarat yang ditetapkan ini sebenarnya 100% bergantung kepada keputusan temubual walaupun calon pelajar tersebut memenuhi syarat-syarat yang lain. Ketetapan ini adalah kerana pengajian di MMUSP adalah berat dan mencabar serta sangat memerlukan kesediaan dari diri pelajar itu sendiri. Sekiranya pelajar dipaksa oleh ibu bapa atau orang lain, kebiasaan pihak madrasah akan menolak permohonan pelajar tersebut. (Temubual Ustaz Syamsul Niza, Ustaz Luqman Nul Hakim dan Ustaz Abdullah Marbuqi pada 27 September 2018).

4.3 Kitab Pengajian

Kebanyakan kitab pengajian yang digunakan di MMUSP berada dalam kategori turath atau klasik, dan sebahagiannya merupakan rujukan asal dalam bidangnya seperti al-Kutub al-Sittah. Hanya sebahagian kecil dipilih daripada kitab yang agak mutakhir seperti *Qasas al-Nabiyyin* oleh Sheikh Abu al-Hasan Ali al-Nadwi (w. 1999) dan *Sharh Matan al-Bayquniyyah* oleh Sheikh 'Abd Allah Siraj al-Din (w. 2002). Ini bertujuan bagi memastikan agar sukatan yang digunakan bersesuaian dengan tahap pengajian pelajar.

Pada peringkat awal, buku teks adalah bersifat asas dan mudah difahami. Sebagai contoh kitab *Safinah al-Naja Wa al-Salah* merupakan karya fiqah yang dianggap asas kepada Mazhab al-Syafi'i dipelajari di Tahun Pertama. Kitab ini, walaupun kecil bentuknya akan tetapi sangat besar manfaatnya kerana ia mencakupi ilmu asas agama secara bersepadu dimulai dengan dasar--dasar syariat, kemudian bab bersuci, bab salat, bab zakat, bab puasa dan bab haji dan lain-lain. Ia juga menggunakan bahasa yang mudah, susunan yang ringan serta mudah untuk dipahami serta dihafal. Kitab ini sangat terkenal bagi pencinta ilmu fiqah yang mengikut Mazhab Imam Syafi'i ra. dari pelbagai benua dan negara. Satu kajian menunjukkan karya ini merupakan karya fiqah kedua yang paling dipelajari di pesantren seluruh Indonesia (Husen Hasan Basri, 26 : 2012)

Seterusnya pelajar akan memahiri mazhab Syafi'i dengan kitab *Matan al-Ghayah wa at-Taqrīb* yang juga merupakan karya fiqah yang paling banyak dipelajari di pesantren seluruh Indonesia (Husen Hasan Basri, 26 : 2012). Keistimewaan kenapa ia dipilih untuk dipelajari pada Tahun Kedua adalah sebagaimana disebut oleh Dr. Mustafa Dib al-Bugha pada prakata kitab tersebut :

"Kitab Matan al-Ghayah wa at-Taqrīb adalah salah satu kitab terbaik dalam fiqah Mazhab al-Syafi'i, baik dari cara pengkajiannya mahupun isi kandungannya. Meskipun ukurannya kecil, kitab ini mencakup semua bab fiqah, ketentuan-ketentuan hukum, serta masalah-masalah yang terkait dengan ibadah, muamalah dan lain sebagainya. Kitab ini tersusun dengan bahasa yang mudah, susunan kata-kata yang indah, rangkaian kalimat yang baik, dan klasifikasi bahasa yang sistematis. Semua itu memudahkan orang yang mempelajari ilmu fiqah dalam memahami dan menghayati kandungannya. Kitab ini begitu istimewa kerana sesuai dengan setiap lapisan masyarakat, tentunya atas kehendak Allah SWT. Oleh kerana itu, para pencari ilmu dan ulama sejak dahulu hingga sekarang, mereka selalu mengkaji kitab ini sebagai bahan pelajaran, memahami dan menghafalnya, serta menjelaskan dan menghuraikannya (Dr. Mustafa Dib al-Bugha, 2004).

Begitu juga dengan tahun-tahun seterusnya, kitab-kitab yang digunakan mempunyai sukatan pengajian yang bersesuaian dengan tahap pelajar sama ada dalam bidang fiqah, *usul al-fiqh* dan *qawa'id al-fiqhiyyah*.

4.4 Reka Bentuk Pengajian MMUSP

4.4.1 Metode Pengajian

Metode pengajian yang paling ketara perbezaannya dengan pengajian sekolah biasa adalah dari aspek teknikalnya di mana pengajian di MMUSP ini dilakukan dengan cara bersila. Metode ini dilakukan kerana mengambil kira aspek mengekalkan tradisi pengajian klasik di kalangan para ilmuwan Islam sejak dari dahulu lagi, yang mana roh semangatnya diambil daripada kisah bagaimana Rasulullah SAW berdepan dengan malaikat Jibrail dengan cara bersila.

Pelajar seterusnya akan membaca kitab di hadapan guru dari awal hingga akhir dan guru akan menegur sekiranya berlaku kesilapan dan seterusnya memberikan penjelasan. Ini adalah menyamai kaedah pengajian dan penyebaran hadis di zaman silam, iaitu kaedah *qira'ah 'ala al-shaykh* iaitu pelajar membaca dan guru yang akan membetulkannya. Menurut Ibn al-Salah, kaedah *qira'ah 'ala al-shaykh* ini juga dinamakan *'ard* menurut kebanyakan muhaddithin kerana pembaca membentangkan kepada seorang syeikh apa yang dibacanya, sepertimana al-Quran dibentangkan kepada seorang muqri', dan sama ada dia yang menjadi pembaca ataupun orang lain yang membacakan dan dia turut mendengar, sama ada dia membacakannya daripada kitab ataupun daripada hafazannya, sama ada syeikh menghafaz apa yang dibacakan kepadanya ataupun dia tidak menghafaznya, tetapi dia memegang catatan asalnya ataupun catatan perawi *thiqah* yang lain. (Ibn al-Salah 1986: 137)

Pelajar perlu melepasi setiap peringkat yang ditetapkan dengan baik dan mantap sebelum memasuki *Dawrah al-Hadith* yang mencabar, apatah lagi silibus pengajian dari setiap peringkat ke peringkat yang lain adalah berkesinambungan.

Perkara yang menjadi kewajipan adalah menghafal al-Quran. Sebagai kemahiran tambahan, mereka mesti mampu menterjemahkan dan mengi'*rabkan* satu persatu ayat-ayat al-Quran dengan betul dan tepat. Kemahiran ini juga diterapkan untuk pengajian hadis apabila pelajar dikehendaki menterjemah dan mengi'*rabkan* matan-matan hadis yang dipelajari.

Kemahiran dalam bahasa Arab juga sangat ditekankan, pelajar bukan sahaja diajar cara menulis, tetapi juga kemampuan mendengar dan bercakap. Malahan, kemampuan dalam bahasa Arab ini akan digunapakai dalam semua matapelajaran di setiap peringkat pengajian.

Pendekatan hafazan dan tasmi' juga digunakan sebagai salah satu dari pendekatan pengajian di MMUSP ini. Pelajar perlu menghafaz hadis, matan dan nazam dengan lancar, kemudian pelajar akan tasmi' di hadapan tenaga pelajar, diuji dan diberi markah.

Sebagaimana bentuk pengajian di IPT juga, kitab yang digunakan akan lebih sukar dan mendalam apabila semakin tinggi pengajian. Maka, pelajar mesti menguasai ilmu di peringkat bawah untuk memahami dengan mudah pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Ini melibatkan semua mata pelajaran sama ada tafsir, hadis, fiqah dan usul fiqah, akidah, bahasa Arab dan lain-lain.

Berikut adalah senarai semua mata pelajaran yang diajar di MMUSP :

- a) Al-Quran, Tafsir dan *Usul al-Tafsir*
- b) Fiqah, Usul Fiqah dan *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*
- c) Akidah
- d) *Al-Nahw* dan *Al-Sarf*
- e) *Al-Khat*
- f) *Al-Imla'*, *Al-Insya'*
- g) *Al-Adab al-Arabiy'*
- h) *Mutalaah*
- i) Sirah al-Nabawiyah
- j) Bahasa Malaysia
- k) Tasawuf dan Akhlak
- l) Pengajian Hadis
 - *Usul al-Hadith/Mustalah al-Hadith*
 - *al-Kutub al-Sittah*, *al-Muwatta'*, *al-Syama'il li al-Tirmizi*,
 - *Al-Difa' 'an al-Sunnah*
 - *Tamrin Al-Takhrij*
 - *Bahth Al-Sunnah*
- m) *Balaghah* dan *al-Mantiq*
- n) *Fara'id*
- o) *Lughah Urduwiyyah*

Pengambilan pelajar adalah bermula daripada umur 15 hingga 18 tahun. Ini bermakna umur pelajar tidak akan menentukan tahap mana dia akan berada.

4.4.2 Rekabentuk Pengajian

Secara umumnya pengajian 'alim di MMUSP adalah selama lapan tahun. Pengajian ini terbuka kepada para pelajar yang mempunyai asas fardhu ain, boleh membaca al-Quran dan diberikan keutamaan bagi para pelajar yang telah menghafaz al-Quran dan mengambil Ijazah Syahadah, boleh membaca dan menulis jawi, mempunyai asas pelajaran matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya mempunyai sijil belajar hingga darjah empat bagi mereka yang bukan bergelar hafiz. Had umur kemasukan adalah antara 12 tahun hingga 18 tahun.

Manakala bagi pengajian hadis, secara khususnya akan bermula pada tahun ketujuh yang dikenali sebagai *Dawrah al-Hadith*. Bagi pelajar-pelajar yang berhasrat untuk memasuki peringkat ini, mereka perlu melalui pengajian selama 6 tahun meliputi pelbagai matapelajaran sebagai persediaan untuk mendepani 2 tahun di *Dawrah al-Hadith* yang mencabar. Jadual di bawah akan menjelaskan tentang peringkat pengajian yang dijalankan di MUSP :

Peringkat Pengajian 'Alim	Bentuk Pengajian	Tempoh
Tahun Pertama	<i>Dars al-Nizami</i>	6 tahun
Tahun Kedua		
Tahun Ketiga		
Tahun Keempat		
Tahun Kelima		
Tahun Keenam		
Tahun Ketujuh	<i>Dawrah al-Hadith</i>	2 tahun

Tahun Kelapan	(Pengkhususan Pengajian Hadis)	
<i>Takhassus al-Hadith</i> (Tahun Pertama)	Peringkat Lanjutan	2 Tahun
<i>Takhassus al-Hadith</i> (Tahun Kedua)		

Jadual 1 : Peringkat pengajian hadis yang ditawarkan di MMUSP

Sumber : *al-Muqarrar li Manhaj al-Dirasi* bagi Miftahul Darul Ulum Sri Petaling

Terdapat dua peringkat pengajian bagi pelajar-pelajar di MMUSP. Peringkat pertama ialah daripada tahun pertama hingga tahun keenam yang dipanggil peringkat “*Dars al-Nizam*”. Para pelajar perlu menepuhi peringkat ini terlebih dahulu sebelum mereka layak memasuki peringkat seterusnya. Manakala peringkat kedua ialah pada tahun ketujuh dan kelapan yang dipanggil peringkat “*Dawah al-Hadith*”. Kemudian sekiranya pelajar mempunyai minat yang cukup tinggi, mereka boleh meneruskan pengajian di Peringkat Lanjutan di dalam bidang *Takhassus al-Hadith* selama dua tahun. Pada setiap peringkat berkenaan telah ditetapkan subjek-subjek atau kitab-kitab yang akan dipelajari, sama ada ilmu *turath* seperti ilmu *al-Hadith*, ilmu al-Quran, ilmu *Usul al-Tafsir*, ilmu Fiqah, dan ilmu Usul Fiqh; mahupun ilmu alat seperti ilmu *al-Balaghah*, *al-Nahw* dan *al-Sarf* dan lain-lain (*al-Muqarrar li Manhaj al-Dirasi*, 2018).

Bagi pelajar-pelajar yang telah berjaya melengkapkan dan menamatkan dua peringkat pengajian tersebut, mereka akan diijazahkan dalam satu majlis yang dikenali sebagai Majlis Khatam al-Bukhari. Pengijazahan tersebut adalah sebagai tanda penghargaan di atas pengorbanan pelajar yang telah bersungguh-sungguh menamatkan pengajian selama lapan tahun atau lebih. Setelah itu, pelajar bebas memilih sama ada mahu ataupun tidak untuk mengambil pengajian lanjutan selama 2 tahun dalam *Takhassus fi al-Hadith* yang akan lebih memahirkan pelajar dengan ilmu ‘*Ulum al-Hadith* melalui kitab-kitab *turath* yang terpilih.

5. Pengajian Hadis di FPPI (KUIS)

5.1 Pengenalan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Penubuhan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai sebuah institusi pengajian Islam pada awal penubuhannya bermatlamat untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangunkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam. Hasrat tersebut kini tetap diteruskan. Malah KUIS turut berperanan menyediakan alternatif untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Latar belakang KUIS yang merupakan milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996 pada 15 Februari 1995, membuktikan komitmen kerajaan negeri Selangor dalam membangunkan agenda pendidikan dan kecemerlangan ilmu. Sebagai sebuah legasi pendidikan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor yang sentiasa dipelihara dan disantuni menjadi pemangkin tradisi ilmu dan penyatuan umat Islam di negeri Selangor, KUIS berusaha melahirkan Da’i, Ulama dan Umara.

Seiring dengan “*niche*” Islam yang menepati halatuju pendidikan Islam dan Dasar Pendidikan Negara Berpaksikan motto “Peneraju Tradisi Ilmu”, KUIS telah bergerak bersandarkan visi dan misi mendepani segala cabaran serta perubahan secara agresif dan proaktif bagi mencapai hasrat menjadi sebuah institusi pendidikan yang menyediakan program pengajian akademik yang berteraskan tauhid dan sesuai dengan keperluan zaman kini serta keperluan fizikal yang berkualiti dalam menuju sebuah Universiti Islam dalam tempoh yang terdekat.

Usaha ini didokong oleh para pensyarah serta warga kerja yang memiliki sifat sebagai *mudarris, mu'allim, muaddib, murabbi, dan mursyid*. Di samping itu, program pembangunan sahsiah yang holistik, prinsip persekitaran (*bi'ah*) yang solehah, pembangunan iklim Dini, ikutan yang baik (*qudwah hasanah*), kecemerlangan akademik dan program khidmat ummah, turut menyumbang ke arah melahirkan warga KUIS yang memiliki akhlak yang terpuji dan sentiasa berbakti kepada agama, bangsa dan pembentukan negara.

Keistimewaan KUIS turut diperkukuhkan dengan kewujudan Institusi Masjid al Azhar KUIS yang berperanan sebagai nadi kepada ketinggian rohani, kecemerlangan ilmu, paksi pembangunan insan dan lambang kesatuan ummah khususnya warga KUIS menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Selain solat jemaah yang dilaksanakan, kuliah-kuliah ilmu banyak diadakan sebagai merealisasikan tanggungjawab KUIS dalam menyediakan pendidikan Islam kepada masyarakat sebagai tuntutan fardhu kifayah dan meletakkan ketinggian ilmu sebagai asas pembangunan insan dan kemajuan negara.

Pengajian yang ditawarkan di KUIS bermula dari peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah yang telah memenuhi perakuan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) merentasi pelbagai disiplin ilmu termasuk pengajian Islam, pengajian perniagaan, perbankan Islam, pendidikan, komunikasi, dan teknologi maklumat yang berdaya saing dan kompetitif.

5.2 Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)

FPPI merupakan sebuah Fakulti terawal (sejak tahun 1995) di KUIS yang menumpukan kepada penawaran perkhidmatan pengajian Islam. FPPI dengan visi untuk menjadi peneraju keagungan tradisi ilmu dan peradaban Islam bertekad untuk memacu kecemerlangan dalam akademik, khidmat ummah, sahsiah berkualiti dan teknologi berinovasi berteraskan Al-Quran dan Al Sunnah.

Bermula dengan Sekolah Pengajian Islam (SPI) yang kecil, kini FPPI mempunyai lebih 80 orang tenaga akademik, dengan lebih daripada 2,300 orang pelajar yang berada di bawah 4 jabatan iaitu Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dan Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab.

Manakala dari segi program pengajian, FPPI menawarkan 22 program di pelbagai peringkat. Ia merangkumi dua program di peringkat Doktor Falsafah iaitu (a) Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat dan (b) Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Bahasa Arab. Tujuh program di peringkat Sarjana iaitu (a) Sarjana Usuluddin dan Pemikiran Islam (b) Sarjana Usuluddin (Perbandingan Agama) (c) Sarjana Pengajian Al-Hadis (d) Sarjana Pengajian Al-Quran (e) Sarjana Pengajian Ilmu Qiraat, (f) Sarjana Dakwah dan Pembangunan Komuniti dan (g) Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus.

Tujuh program di peringkat Sarjana Muda iaitu (a) Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah dengan Komunikasi (Kepujian) (b) Sarjana Muda Usuluddin Dengan Multimedia (Kepujian) (c) Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat (d) Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan (Kepujian) (e) Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Dengan Multimedia) (Kepujian) (f) Sarjana Muda Pengajian Bahasa al-Quran (Kepujian) (g) Sarjana Muda Pengajian Bahasa al-Quran (Bahasa Arab Terjemahan) (Kepujian). Juga lima program di peringkat Diploma (a) Diploma al-Quran dan al-Sunnah (b) Diploma Dakwah (c) Diploma Pengajian Bahasa al-Quran (d) Diploma Akidah dan Pemikiran Islam dan (e) Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat

5.3 Pengajian Hadis Di KUIS

Pengajian hadis di KUIS dilaksanakan secara formal dan tidak formal. Secara formalnya, pengajian ini berada di bawah pengkhususan Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Antara pengajian yang ditawarkan ialah Mustalah al-Hadith, Ulum al-Hadith, Pengantar Syarah Hadith, 'Ilm Takhrij al-Hadith, Metodologi Ahli Hadith, 'Ilm Rijal al-Hadith, al-Hadith al-Mawdu'i dan Dirasat al-Asanid.

Manakala pengajian hadis secara tidak formal di KUIS adalah termasuk yang dianjurkan oleh Masjid al-Azhar, KUIS menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Ia adalah seperti pengajian hadis bersanad, kupasan kitab-kitab hadis, kuliah-kuliah dhuha, pengisian sebelum solat dan sebagainya.

Selain masjid, Institut Kajian Hadis dan Akidah KUIS atau INHAD, KUIS ditubuhkan sebagai pusat kajian hadis di Negeri Selangor bertujuan memelihara dan memartabatkan hadis sebagai sumber hukum kedua selepas kitab suci Al-Quran. Menerusi INHAD pelbagai aktiviti, penyelidikan dan pembangunan berkaitan hadis seperti ceramah, seminar, penerbitan jurnal dan buku, pengajian hadis bersanad dan sebagainya (INHAD, 2011).

6. Perbandingan Bentuk Pengajian Hadis di Miftah Darul Ulum (MUSP) dan Jabatan al-Quran dan al-Sunnah (JQS) KUIS.

6.1 Tempoh Pengajian dan Pengkhususan

Perbandingan pertama yang dapat dilihat adalah dari segi tempoh pengajian hadis dan pengkhususan di kedua-dua institusi. Ia dapat dilihat dalam Jadual 2 dibawah :

Bentuk Perbandingan	MMUSP	JQS KUIS	
			Diploma
Tempoh Pengajian	10 tahun (8 + 2)	Sarjana Muda	8 semester (4 tahun).
		Sarjana	4 Semester (2 tahun)
		Diploma	Semester 1
Sarjana Muda			
Jenis Pengkhususan	Hadis	Diploma	Al-Quran dan Hadis
		Sarjana Muda	
Mata Pelajaran Hadis Mula ditawarkan	Hadis : Tahun Persediaan	Diploma	Hadis : Semester Ketiga Ulum al-Hadith

	Tahun Ketiga		(Umum) : Semester Satu Ulum al-Hadith (Khusus) : Semester Keempat
	Ulum al-Hadith : Tahun Keempat	Sarjana Muda	Hadis : Semester Tujuh Ulum al-Hadith (Umum) : Semester Dua Ulum al-Hadith (Khusus) Semester Ketiga
		Sarjana	Tiada

Jadual 2 : Perbandingan Tempoh Pengajian dan Pengkhususan MUSP dan JQS, FPPI

Sumber : *al-Muqarrar li Manhaj al-Dirasi* bagi Miftah Darul Ulum (MUSP) dan Maklumat Program Pengajian JQS (KUIS)

Pelajar di MMUSP mengambil masa 8 untuk menghabiskan *Dawrah al-Hadith* (pengkhususan hadis peringkat pertama) dan tambahan lagi 2 tahun sekiranya mengambil *Takhssus fi al-Hadith* (pengkhususan hadis peringkat lanjutan) menjadikan keseluruhan adalah 10 tahun pengajian. Bagi pelajar JQS pula, sekiranya mengambil Diploma, ia mengambil masa 6 semester (3 tahun), Sarjana Muda pula 8 semester (4 tahun) dan Sarjana adalah 4 semester (2 tahun).

Bagi pelajar MMUSP, mereka telah diperkenalkan dengan Ilmu *al-Hadith* pada Tahun Persediaan dan Tahun Ketiga dan *Ulum al-Hadith* secara umum pada Tahun Keempat. Manakala di JQS, pelajar Sarjana Muda diperkenalkan dengan mata pelajaran *Ulum al-Hadith* secara umum pada semester kedua dan secara khususnya pada semester ketiga. Untuk Diploma pula, pelajaran *Ulum al-Hadith* secara umum pada semester satu dan secara khususnya pada semester empat.

Di MMUSP, pelajar yang mengkhusus dalam bidang hadis sahaja, tetapi di JQS melibatkan al-Quran dan hadis.

Perbezaan paling ketara di antara kedua-dua institusi ini adalah dari segi kewajipan memilih peringkat pengajian. MMUSP mewajibkan 8 tahun sebagai tempoh minima untuk pelajarinya lulus *Dawrah al-Hadith*, manakala JQS memberi pilihan kepada pelajarinya untuk memilih mana-mana peringkat pengajian yang bersesuaian.

6.2 Mata Pelajaran Hadis Yang Ditawarkan

Perkara kedua yang menjadi perbandingan adalah mata pelajaran hadis yang ditawarkan pada kedua-dua institusi. Mata pelajaran Hadis yang ditawarkan di MMUSP adalah sebagaimana Jadual 3 dibawah :

Miftah Darul Ulum (MMUSP)	Mata Pelajaran Hadis Yang DiTawarkan
Tahun Persediaan	Hadis : <i>Matn al-Arba'in al-Nawawiyah</i>
Tahun Pertama	Tiada
Tahun Kedua	Tiada

Tahun Ketiga	Hadis : <i>Riyad al-Salihin</i>
Tahun Keempat	<i>Usul al-Hadith : Syarh al-Baiquniyyah</i>
Tahun Kelima	<i>Mustalah al-Hadith : Nuzbah al-Nazar</i>
Tahun Keenam	<i>Mustalah al-Hadith : Math al-Taqrif wa al-Taysir</i>
Tahun Ketujuh (Tahun Dawrah al-Hadith Pertama)	Hadis : 1) <i>Sahih al-Bukhari</i> 2) <i>Sahih Muslim</i> (Juzuk 1) 3) <i>Al-Jami' al-Tirmidhi</i> (Juzuk 1) 4) <i>Sunan Abi Daud</i> (Juzuk 1) 5) <i>Syama'il al-Tirmidhi</i>
Tahun Kelapan (Tahun Dawrah al-Hadith Akhir)	Hadis : 1) <i>Sahih al-Bukhari</i> 2) <i>Sahih Muslim</i> (Juzuk 2) 3) <i>Al-Jami' al-Tirmidhi</i> (Juzuk 2) 4) <i>Sunan Abi Daud</i> (Juzuk 2) 5) <i>Al-Muwatta'</i> 6) <i>Sunan al-Nasa'i</i> 7) <i>Sunan Ibn Majah</i>
Peringkat Pengajian Lanjutan (<i>Takhassus Fi al-Hadith</i>)	
Tahun Pertama Takhassus	<i>Ulum al-Hadith</i> : 1) <i>Muqaddimah Ibn Solah</i> 2) <i>Tadrib al-Rawi</i> <i>Al-Difa' 'an al-Sunnah</i> : 1) <i>Al-Lamahat min Tarikh al-Sunnah</i> 2) <i>Al-Madkhal ila Ulum al-Hadith al-Syarif</i> 3) <i>Al-Risalah al-Mustatrafah</i> <i>Takhrij al-Hadith</i>
Tahun Kedua Takhassus	<i>Ulum al-Hadith</i> : <i>Tadrib al-Rawi</i> <i>Al-Bath 'an al-Sunnah</i> : 1) <i>Al-Raf' wa al-Takmil</i> 2) <i>Jam' al-Jawami'</i> <i>Takhrij al-Hadith</i>

Jadual 3 : Mata pelajaran Hadis Yang Ditawarkan di MMUSP Mengikut Tahun Pengajian

Sumber : *al-Muqarrar li Manhaj al-Dirasi* bagi Miftah Darul Ulum (MUSP)

Mata pelajaran Hadis yang ditawarkan di JQS pula boleh dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana Pengajian Hadis. Bagi peringkat sarjana, tiada penawaran mata pelajaran hadis dan fokus hanya ditumpukan kepada Metodologi Penyelidikan dan penulisan tesis. Bagi peringkat Diploma dan Sarjana Muda adalah sebagaimana dalam Jadual 4 di bawah :

JQS (Diploma)	Mata Pelajaran Hadis Yang DiTawarkan
Semester Satu	Ulum al-Hadith
Semester Dua	Tiada
Semester Tiga	<i>Al-Hadith</i>
Semester Empat	<i>Ulum al-Hadith II</i> Hadis-Hadis Hukum
Semester Lima	<i>Manahij al-Muhaddithin</i>

	<i>Ilm al-Takhrij</i> <i>Al-Qasas fi l-Quran wa al-Hadith</i>
JQS (Sarjana Muda)	Mata Pelajaran Hadis Yang DiTawarkan
Semester Satu	Tiada
Semester Dua	<i>Mustalah al-Hadith</i>
Semester Tiga	<i>Ulum al-Hadith</i>
Semester Empat	Aplikasi ICT Dalam Pengajian al-Quran dan al-Sunnah <i>Mabadi' al-Ta'mmul Ma'a al-Sunnah</i> <i>'Ilm Takhrij al-Hadith</i>
Semester Lima	Metodologi Ahli Hadis <i>Ilm Rijal al-Hadith</i>
Semester Enam	<i>Dirasat al-Asanid</i> Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian al-Quran dan Hadis
Semester Tujuh	<i>Al-Hadith al-Mawdu'i</i>
Semester Lapan	Pengantar Syarah Hadis Mukjizat Saintifik al-Quran dan al-Sunnah

Jadual 4 : Mata pelajaran Hadis yang ditawarkan di Peringkat Diploma dan Sarjana Muda JQS (KUIS) Mengikut Semester Pengajian
Sumber : Maklumat Program Pengajian JQS (KUIS)

Pengkhususan pengajian hadis di MMUSP adalah bermula pada tahun ketujuh dengan pemusatan yang tinggi pada karya-karya utama hadis iaitu *Sunan al-Sittah*, namun pengenalan pada ilmu hadis telah bermula sedari awal iaitu pada Tahun Persediaan lagi. Pada peringkat ini karya-karya asas seperti *al-Arba'in al-Nawawiyah*, *Riyad al-Salihin*, *Syarah Matn al-Baiquniyyah*, *Nuzhah al-Nazar* dan lain-lain diperkenalkan. Manakala di JQS pula pelajar telah didedahkan dengan ilmu *Ulum al-Hadith* seawal semester satu di peringkat Diploma dan Semester 2 bagi Sarjana Muda.

Jadual 4 di atas juga menunjukkan bahawa pengkhususan di MMUSP digambarkan dengan pengambilan mata pelajaran hadis yang meliputi 90% dari jumlah keseluruhan mata pelajaran pada tahun ketujuh dan kelapan. Pada peringkat ini juga pelajar akan menamatkan karya yang paling penting dalam pengajian hadis iaitu *Sunan al-Sittah*, *Muwatta' dan Syama'il al-Muhammadiyah*. Manakala pada peringkat *Takhassus*, fokus adalah 100% kepada pemantapan ilmu *Ulum al-Hadith* dengan menekankan kepada karya-karya utama berkaitan. Peratusan dominasi mata pelajaran hadis adalah amat ketara pada 2 tahun *Takhassus Fi Al-Hadith*.

Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa pengkhususan di JQS menampakkan penumpuan kepada mata pelajaran hadis secara tidak ketara pada setiap semester :

- i. Diploma : Penumpuan mata pelajaran hadis yang bermula pada semester 4 adalah sebanyak 25% dan semester 5 sebanyak 43%.
- ii. Sarjana Muda : Penumpuan mata pelajaran hadis hanya bermula pada semester 2 dan 3 sebanyak 10%, semester 4 dan 5 sebanyak 22%, semester 6 sebanyak 33%, semester 7 dan 8 masing-masing sebanyak 20% dan 50%.

Peratusan di atas tidak menggambarkan dominasi mata pelajaran hadis yang ketara disebabkan oleh pengkhususan JQS bukan semata-mata pada hadis tetapi juga mata pelajaran al-Quran dan Tafsir.

7. Sumbangan MMUSP Terhadap Pengajian Hadis Di Malaysia

MMUSP adalah sebuah institusi pengajian yang menggunakan pendekatan Deoband sebagai terasnya. Oleh itu, sebagaimana Madrasah di India, MMUSP ini juga menggunakan *Dars al-Nizami* sebagai manhaj pengajian. Ini adalah tidak menghairankan kerana ia adalah satu bentuk pengajian yang sangat terkenal di benua Hind, khususnya madrasah yang dinisbahkan kepada Jami'ah Deoband dan Jami'ah Saharanpur. Namun begitu, silibus di MMUSP tidak semestinya sama dengan silibus di sana kerana ia disukai mengikut keperluan dan kesesuaian tempat. Sekiranya di India, kita fiqah yang dipelajari adalah berkaitan dengan mazhab Hanafi, maka di Nusantara pula lebih mazhab Syaf'ie (Muhammad Amru Zubair, 2017).

Melihat kepada keunikan pengajian yang ada pada MMUSP, ia dapat memberi sumbangan kepada pengajian hadis, sama ada secara formal atau tidak formal, mengambil kira ruang dan kekangan yang ada di institusi masing-masing. Sumbangan yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut :

7. 1 Menyediakan Pakej Pengajian Islam Yang Holistik.

Salah satu daripada ciri-ciri yang ada pada MMUSP ini adalah penawaran pakej pengajian Islam yang holistik. Ini dapat dilakukan kerana ia tidak terikat dengan standard serta syarat yang ditetapkan oleh pihak berwajib sebagaimana IPT lain. Berdasarkan analisis dan pemerhatian yang dilaksanakan, mungkin ada beberapa pendekatan oleh MMUSP ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dalam pengajian arus perdana moden.

Bentuk pengajian Islam yang holistik ini dapat dilihat daripada senarai mata pelajaran yang komprehensif yang ditawarkan di MMUSP melibatkan pengajian al-Quran dan Tafsir, bahasa Arab, Akidah, Fiqah, Akhlak dan Tasawwuf dan Hadis. Ia dapat dilihat sebagaimana berikut :

Bil.	Bidang Pengajian	Mata pelajaran	Tahun Ditawarkan	Jumlah Kitab
1.	al-Quran	Tajwid	1, 2	1
		Al-Quran	3, 4	1
2.	Tafsir	Tafsir	5, 6, 7	2
		<i>Usul al-Tafsir</i>	5	1
3.	Bahasa Arab	<i>Al-Nahw</i>	1,2,3,4,5	6
		<i>Al-Sarf</i>	1,2	4
		<i>Al-Imla'</i>	1	1
		<i>Al-Insya'</i>	3	1
		<i>Al-Mantiq</i>	3,4	3
		<i>Al-Balaghah</i>	4,5	2
		<i>Al-Adab al-Arabiyy</i>	5	1
4.	Akidah	<i>Al-Akidah</i>	3,4	3

5.	Fiqah	<i>Al-Fiqh</i>	1, 2, 3,4,5,6,7	6
		<i>Usul al-Fiqh</i>	3,4,5	3
		<i>Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah</i>	4	1
		<i>Al-Fara'id</i>	4	1
6.	Sirah	<i>Qasas al-Anbiya'</i>	1,2,3	1
7.	Akhlak	<i>Al-Akhlak</i>	2	1
8.	Tasawwuf	<i>Al-Tasawwuf</i>	8	1
9.	Hadis	<i>Al-Hadith</i>	3,6,7,8	10
		<i>Usul al-Hadith/ Ulum al-Hadith</i>	4,9,10	4
		<i>Mustalah al-Hadith</i>	5,6	2
		<i>Al-Difa' al-Sunnah</i>	9	3
		<i>Bahth Al-Sunnah</i>	10	2
		<i>Tamrin al-Takhrij</i>	9,10	-
10.	<i>Al-Khat</i>		1,2	-
11.	<i>Lughah Urduwiyyah</i>		8	1
12.	<i>Kitabah al-Rasa'il</i>		9,10	-
Jumlah		30	-	62

Jadual 5 : Senarai bidang pengajian dan mata pelajaran yang ditawarkan di MMUSP

Jadual di atas menunjukkan terdapat tiga bidang pengajian yang mempunyai pemberat yang agak ketara berbanding yang lain iaitu bahasa Arab, fiqah dan hadis, yang menjadi bidang pengajian pengkhususan di MMUSP. Ketiga-tiga bidang pengajian dijangkakan mampu menjadi kunci untuk melahirkan graduan MMUSP yang berupaya menguasai bidang pengajian Islam secara lebih mantap dan menyeluruh. Selain penekanan turut diberikan terhadap bidang al-Quran, tafsir, akidah, sirah, akhlak dan lain-lain. Pengajian yang bersifat holistik ini bertepatan dengan matlamat MMUSP untuk memberi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang sistematik kepada para pelajar.

Namun begitu sekiranya dibincangkan tentang holistik dari sudut integrasi dan islamisasi antara ilmu Islam dengan ilmu moden, ia tidak berlaku di MMUSP. Ini adalah perbezaan yang ketara di antara MMUSP dan IPT Malaysia. Abdul Shukor (2008) menyatakan bahawa penghayatan ilmu pengetahuan tidak seharusnya dihadkan kepada Pengajian Islam semata-mata, malahan perlunya diberi penekanan serius berhubung ilmu-ilmu moden. Cabaran kedua pula melibatkan graduan yang telah menamatkan pengajian di IPT iaitu bersaing untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Era globalisasi masa kini memerlukan graduan yang mahir dalam pelbagai disiplin ilmu dan kemahiran untuk menarik minat majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada mereka. Graduan Pengajian Islam dilihat mempunyai asas etika, nilai dan integriti yang tinggi hasil ilmu Islam yang dipelajari. Tetapi sektor pekerjaan masa kini memerlukan pelbagai kemahiran tambahan seperti kemahiran berkomunikasi (*communication skills*), dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam aplikasi pekerjaan seharian. Oleh itu, perlunya diintegrasikan kemahiran-kemahiran tersebut di peringkat pengajian tinggi supaya keperluan kemahiran dalam sektor pekerjaan dapat dipenuhi.

Perbezaan pendekatan antara MMUSP dan IPT di Malaysia ini banyak bergantung kepada matlamat dan objektif penubuhan institusi itu sendiri. Namun, sekiranya kedua-dua pihak ini cuba untuk mengintegrasikan walaupun sedikit pendekatan dari pihak sana, hasilnya akan menjadi lebih baik.

7.2 Memahirkan Ilmu Bahasa Arab Melalui Ayat-Ayat Al-Quran

Pelajar di MMUSP mempelajari bahasa Arab bermula dari Tahun Pertama sehingga Tahun Kelima melibatkan hampir 13 kitab. Mata pelajaran *al-nahw* adalah yang paling banyak dipelajari iaitu dari Tahun Pertama sehingga Tahun Kelima. Kekerapan penawaran mata pelajaran bahasa Arab boleh dilihat dalam jadual di bawah :

Bil.	Mata Pelajaran	Tahun Ditawarkan	Jumlah Kitab
1.	<i>Al-Nahw</i>	1,2,3,4,5	6
2.	<i>Al-Sarf</i>	1,2	4
3.	<i>Al-Imla'</i>	1	1
4.	<i>Al-Insya'</i>	3	1
5.	<i>Al-Mantiq</i>	3,4	3
6.	<i>Al-Balaghah</i>	4,5	2
7.	<i>Al-Adab al-Arabiy</i>	5	1

Jadual 6 : Kekerapan penawaran mata pelajaran bahasa Arab yang ditawarkan oleh MMUSP

Pendekatan yang dibuat oleh MMUSP adalah setelah pelajar didedahkan dengan pengajian mata pelajaran Bahasa Arab bermula Tahun Pertama, pada Tahun Ketiga mereka mula mempraktikkannya melalui ayat-ayat al-Quran dengan cara :

- a) Menterjemahkan ayat-ayat al-Quran : menambahkan khazanah bahasa Arab dalam diri pelajar. Ini akan memudahkan pelajar untuk membaca kitab di dalam Bahasa Arab, sekaligus melancarkan penulisan dan percakapan mereka dalam bahasa tersebut.
- b) Melakukan *i'rab* terhadap ayat-ayat al-Quran : menambah kemahiran pelajar terhadap struktur bahasa Arab setelah mereka mempelajarinya secara teori dan latihan di dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Kebiasaan pembelajaran di IPT bahasa Arab hanya dipelajari di peringkat pertama pengajian sahaja kecuali pelajar yang mengkhususkan bidang Bahasa Arab. Mengambil contoh Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPPI, KUIS ia boleh dilihat sebagaimana jadual berikut :

JQS FPPI KUIS	Mata Pelajaran Bahasa Arab	Sem/Tahun	
	<i>Al-Arabiyyah al-'Aliyah li al-Dirasat al-Islamiyyah I</i>	1	1
<i>Al-Arabiyyah al-'Aliyah li al-Dirasat al-Islamiyyah II</i>	2	1	
<i>Al-Arabiyyah al-'Aliyah li al-Dirasat al-Islamiyyah III</i>	3	2	

Jadual 7 : Penawaran mata pelajaran bahasa Arab yang ditawarkan oleh Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPPI

Keterbatasan ini berlaku kerana keterikatan dengan standard yang telah ditetapkan oleh MQA. Kebanyakan mata pelajaran bahasa Arab ini berada pada komponen Teras Program/Teras Fakulti/Teras Universiti, menyebabkan ia tidak boleh ditawarkan selari dengan mata pelajaran major/pengkhususan. Pengajian al-Quran di IPT pula kebanyakannya memfokuskan kepada pembacaan yang betul, menghafaz serta mengetahui tafsirannya. Ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat menguasai Bahasa Arab dengan mendalam.

Salah satu cara untuk meningkatkan penguasaan pelajar pada Bahasa Arab adalah dengan mengaplikasikan pendekatan yang digunakan oleh MMUSP iaitu memahirkan ilmu bahasa Arab dengan ayat-ayat al-Quran. Bahasa Arab merupakan bahasa yang digunakan dalam al-Qur'an. Bahasa yang menyertai agama Islam dalam perkembangannya. Bahasa yang dijadikan rujukan orang Islam untuk mempelajari keilmuan agama Islam. Bahkan dalam beberapa ibadah juga diwajibkan dengan menggunakan bahasa Arab, seperti membaca al-Fatihah dalam solat. Akan tetapi bukan hanya itu saja yang menyebabkan bahasa Arab ini istimewa daripada bahasa yang lain. Kerana ada beberapa unsur-unsur bahasa Arab yang tidak dipunyai oleh bahasa yang lain (Hasyim Asy'ari 2016).

Keistimewaan yang ada pada bahasa Arab ini sekiranya dimahiri dengan latihan terhadap ayat-ayat al-Quran akan mendatangkan kesan yang positif kerana sebab-sebab berikut (Hasyim Asy'ari 2016) :

- a) Kefasihan Cara Pengucapan Huruf Hija'iyah
- b) Mufradat Yang Kaya Makna
- c) Persebaran Bentuk Kata yang Unik
- d) Kaedah Struktur Kalimat Yang Sempurna
- e) Perincian Makna Yang Tersirat

Menurut al-Syatibi (1997: 2/102), sesiapa yang ingin memahami al-Quran, maka hanya melalui bahasa Arab dia akan dapat memahaminya. Dan tiada jalan lain untuk dia dapat memahaminya selain dari melalui jalan ini sahaja.

Imam al-Awza'i berkata: "Adapun bahasa Arab, maka pintunya cukup luas. Dan al-Quran telah turun dengan bahasa Arab kerana ia adalah bahasa yang paling luas dan paling fasih. Di dalam al-Quran (misalnya) terdapat ayat-ayat yang berbentuk perintah, namun maksudnya berbagai-bagai, antaranya untuk mengancam, melemahkan, mewajibkan, membimbing dan juga berbentuk umum. Dan tidak dapat diketahui yang demikian itu melainkan melalui bahasa Arab jua". (al-Khatib al-Baghdadi 1417: 1/357)

Dalam ruang lingkup yang terbatas pada komponen Teras Program/Teras Fakulti/Teras Universiti, terdapat beberapa pilihan yang boleh dilakukan oleh IPT untuk memastikan pelajar-pelajar dapat memahiri ilmu bahasa Arab dengan mendalam :

- a) Menyediakan pembelajaran bahasa Arab di luar bilik kuliah. Pilihan ini memberi ruang yang luas kepada pelajar, ia mungkin tidak mendapat penglibatan secara 100% kerana ia bersifat pilihan dan galakan sahaja.
- b) Menawarkan mata pelajaran bersifat latihan teori dalam bahasa Arab melalui ayat-ayat al-Quran seperti *l'rab al-Quran* atau Bahasa Arab untuk Pengajian Islam
- c) Menggalakkan pelajar secara berterusan menyertai pengajian luar kampus atau daurah ilmu yang diadakan di luar masa kuliah atau pada waktu cuti.

7.3 Penekanan Kepada Pengajian Fiqah Yang Selari Dengan Pengajian Hadis.

Salah satu mata pelajaran yang sangat ditekankan di MMUSP selain daripada bahasa Arab adalah ilmu Fiqah. Ini selari dengan pandangan sarjana Islam yang sangat menekankan penguasaan ilmu ini terutama bagi pelajar-pelajar pengajian Islam. Hikmah di sebaliknya adalah sangat banyak (Arief Salleh B. Rosman & Salmiah Binti Mohd Jupri, 2017):

- a) Al-Quran yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW merupakan sumber utama perundangan Islam yang perlu dijunjung. Ilmu fiqah yang merupakan sebahagian daripada syariat Islam perlu dipelajari supaya ia dapat difahami seterusnya dilaksanakan sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT serta Rasul-Nya.
- b) Sifat ilmu fiqah yang berkembang seiring dengan perkembangan dan perubahan pemikiran masyarakat. Oleh itu, dengan mempelajari serta menguasai ilmu fiqah ini diharap mampu merubah masyarakat semasa yang secara umumnya telah terbiasa dengan taqlid supaya selari juga dengan perkembangan pesat dalam pendidikan Islam di Malaysia dan tidak terpengaruh sepenuhnya dengan budaya taqlid.
- c) Individu yang mempelajari serta mendalami ilmu fiqah ini bersifat warak kerana sentiasa berhati-hati dengan perkara halal dan haram kerana ilmu fiqah menjelaskan berkaitan hukum-hukum tersebut.
- d) Ilmu fiqah ini luas. Oleh itu sekiranya ia tidak dipelajari secara mendalam atau hanya bertaklid akan menyebabkan berlakunya kesempitan dalam sesetengah pelaksanaan hukum Islam atau dianggap fiqah hanya dibataskan kepada bidang ibadat dan undang-undang kekeluargaan sahaja.

Keseriusan MMUSP dalam perkara ini dapat dilihat dari jadual berikut:

Bil.	Mata Pelajaran	Tahun Ditawakan	Jum. Kitab
1.	<i>Al-Fiqh</i>	1, 2, 3,4,5,6,7	6
2.	<i>Usul al-Fiqh</i>	3, 4,5	3
3.	<i>Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah</i>	4	1
4.	<i>Al-Fara'id</i>	4	1

Jadual 8 : Kekerapan penawaran mata pelajaran fiqah yang ditawarkan oleh MMUSP

Jadual di atas menunjukkan kekerapan mata pelajaran fiqah yang ditawarkan di MMUSP yang bermula dari Tahun Pertama pengajian dan berterusan sehingga Tahun Ketujuh. Selain dari fiqah, MMUSP turut menawarkan Usul al-Fiqh yang dipelajari selama 3 tahun, Qawa'id al-Fiqhiyya dan al-Fara'id selama setahun. Jumlah kitab yang digunakan adalah sebanyak 11 buah. Ini berbeza dengan JQS, FPPI kerana kebanyakan mata pelajaran fiqah berada pada komponen Teras Program/Teras Fakulti/Teras Universiti, menyebabkan ia tidak boleh ditawarkan selari dengan mata pelajaran major/pengkhususan. Ia dapat dilihat pada jadual berikut :

JQS FPPI KUIS	Mata Pelajaran Fiqah	Sem/Tahun	
	<i>Fiqh Ibadat dan Munakahat</i>	2	1

	<i>Fiqh al-Muamalat wa al-Jinayat</i>	3	2
--	---------------------------------------	---	---

Jadual 9 : Penawaran mata pelajaran fiqh yang ditawarkan oleh IPT yang menjadi subjek kajian

Mohd Nasran et al. (2001) menyatakan banyak faedah yang diperolehi dengan mempelajari ilmu Usul Fiqh. Antaranya ialah:

- a) Dapat mengaplikasi kaedah-kaedah serta teori-teori umum ke atas dalil-dalil *tafsili* untuk sampai kepada sesuatu hukum.
- b) Dapat mengetahui dasar-dasar yang menjadi asas kepada pembinaan hukum-hukum syarak serta objektif-objektif (*maqasid*) syarak.
- c) Mampu mengeluarkan hukum-hukum syarak secara tepat dengan *menggunakan qiyas, al-Istihsan, al-Masalih al-Mursalah* dan lain-lain lagi terhadap isu-isu yang tidak terdapat peruntukan tentangnya dalam nas al-Quran mahupun Hadis.
- d) Dapat mengetahui hukum-hukum yang telah diputuskan oleh para mujtahid, membuat perbandingan terhadap pandangan dan mazhab mereka, serta *mentarjihkan* pandangan yang lebih kuat dengan mengkaji dalil-dalil dan cara pengambilan hukum daripadanya.

Manakala untuk mata pelajaran *Qawa'id al-Fiqhiyyah*/Kaedah Fiqah tidak ditawarkan oleh JQS, FPPI sedangkan adalah suatu ilmu yang sangat penting dipelajari. Abdul Manan Ismail (2005) memetik pandangan sarjana Islam tentang faedah daripada mempelajari kaedah fiqh, antaranya ialah :

- a) Mempermudahkan seseorang untuk mengetahui hukum cabang (fiqh), kerana penguasaan terhadap semua masalah fiqh yang banyak adalah agak sukar. Ia diungkapkan oleh al-Qarafiyy: "Sesiapa yang mengingati fiqh berdasarkan kaedah-kaedahnya, dia tidak perlu menghafaz pelbagai cabang fiqh".
- b) Membentuk kemahiran fiqh yang kuat dan baik, sekaligus dapat membantu untuk meneroka pelbagai isu fiqh semasa.
- c) Pembelajaran kaedah fiqh dapat menghimpunkan masalah-masalah fiqh yang banyak dan berselerak ke dalam satu kaedah yang ringkas dan padat.

Kepentingan pengajian hadis dan fiqh berjalan serentak mampu melahirkan pelajar yang mantap dari segi penguasaan ilmunya sepertimana tokoh-tokoh ulama silam yang menguasai diisplin fiqh dan hadis sekaligus, seperti Imam Malik, Imam al-Syafi 'I, Imam Ahmad, Ishaq bin Rahuyah, Sufyan al-Thawri, Sufyan bin 'Uyaynah, al-Bukhari, al-Tirmidhi, Abu Dawud, al-Nasa'i, Ibn Khuzaymah, Ibn Hibban, al-Bayhaqi dalam ramai lagi.

Kepentingan jalinan antara fiqh dan hadis ini adalah seperti yang digambarkan oleh al-Khattabi (1981: 1/3) ketika beliau melihat ahli ilmu di zamannya terbahagi kepada dua kelompok, iaitu ahli hadis dan ahli fiqh, beliau berkata: "Setiap satu daripadanya tidak dapat dibezakan dengan yang satu lagi dari segi keperluan (kedua-duanya), dan tidak dapat diabaikan untuk mencapai apa yang dikehendaki dari segi maksud dan tujuan (kedua-duanya), kerana hadis adalah seumpama asas yang merupakan asal dan fiqh pula seumpama binaan yang ibarat cabang baginya. Maka, setiap binaan yang tidak diletakkan di atas tapak dan asas, maka ia pasti runtuh. Dan setiap asas yang kosong daripada binaan dan bangunan pula, maka ia adalah tanah lapang yang luluh".

Dalam ruang lingkup yang terbatas pada komponen Teras Program/Teras Fakultas/Teras Universiti, terdapat beberapa pilihan yang boleh dilakukan oleh IPT untuk memastikan pelajarinya dapat memahiri ilmu fiqah dengan baik :

- a) Menyediakan pembelajaran fiqah di luar bilik kuliah. Pilihan ini memberi ruang yang luas kepada pelajar, Cuma ia mungkin tidak mendapat penglibatan semua pelajar kerana ia bersifat pilihan dan galakan sahaja.
- b) Menawarkan mata pelajaran bersifat gabungan antara fiqah dan hadis, seperti Hadis Hukum atau *Fiqh al-Hadith*.
- c) Sekurang-kurangnya menawarkan 3 asas utama dalam pengajian fiqah iaitu *al-Fiqh al-Islami, Usul al-Fiqh* dan *Qawa'id al-Fiqhiyyah*.

Jika perlu memilih di antara ibadat, *munakahat, muamalat dan jinayat*, prioritiya adalah sebagaimana yang disebut oleh al-Imam al-Khatib al-Syarbini di dalam al-Mughni al-Muhtaj : "Para sahabat mendahulukan ibadat ke atas muamalat sebagai perhatian kepada perkara-perkara agama, mendahulukan *muamalat* ke atas *munakahat* dan apa yang berkaitan dengannya, mendahulukan *munakahat* ke atas *jinayat* kerana kedudukannya lebih rendah dari sudut keperluan dan mengakhirkkan *jinayat* kerana jarang terjadinya berbanding dengan apa yang sebelumnya." (Muhadir Haji Joll, 2017)

7.4 Tahap Pengajian Hadis Yang Sistematik.

Maulana Hussein Abdul Kadir (2015) menjelaskan mengenai tahap pengajian hadis yang perlu dilalui oleh seseorang pelajar muslim dalam proses mendalami hadis. Untuk memahaminya, perlu mengetahui pembahagian ilmu asas bagi hadis :

1. Ilmu Riwayah al-Hadith	
Takrif	Ilmu yang meriwayatkan sabdaan, perbuatan, pengiktirafan Nabi SAW terhadap sesuatu ucapan atau perbuatan yang dilakukan oleh sahabat-sahabat di hadapan baginda dan situasi-situasi Rasulullah SAW atau meriwayatkan suatu riwayat yang disandarkan kepada Rasulullah SAW, sahabat atau tabiin.
Bentuk	Mengambil tahu sesebuah hadis berdasarkan rujukan kitab hadis, sanad dan lafaz hadis yang diriwayatkan.
2. Ilmu Dirayah al-Hadith	
Takrif	Ilmu yang membicarakan kajian pelbagai jenis riwayat dari sudut darjat hadis sama ada sahih atau da'if dan dari aspek keadaan perawinya sama ada pencatat melalui ingatan yang kuat atau pelupa, atau yang dipercayai atau tidak. Dan juga dari aspek keadaan sanadnya sama ada bersambung atau terputus.
Bentuk	Mengkaji sama ada sesebuah hadis itu <i>khbar ahad</i> atau <i>masyhur</i> atau <i>mutawatir</i> , sahih atau daif, <i>muttasil</i> atau <i>munqati'</i> , perawi adalah thiqah atau tidak, hukum yang dikeluarkan oleh hadis, penyelesaian kepada <i>mukhtalif</i> dan <i>musykil</i> hadis. Juga apa yang terjadi kepada matan sama ada <i>marfu'</i> , <i>mawquf</i> , <i>ma'ruf</i> , <i>munkar</i> , <i>syaz</i> dan lain-lain
Pembahagian	a) Ilmu <i>Usul al-Hadith</i> : Ilmu yang membahaskan kedudukan sanad

	b) Ilmu <i>Fiqh al-Hadith</i> : Ilmu yang membahaskan hukum syarak yang dikeluarkan dari hadis-hadis.
3. Ilmu <i>Gharib al-Hadith</i>	
Takrif	Ilmu yang menerangkan makna-makna lafaz hadis yang susah difahami dan mempunyai kesamaran.
4. Ilmu <i>Asrar al-Hadith</i>	
Takrif	Ilmu rahsia agama yang membahaskan tentang hikmah dan falsafah semua hukum dan hakikatnya, rahsia khasiat amalan dan kesannya yang terkandung dalam hadis.

Jadual 10 : Pembahagian Ilmu Asas Bagi Hadis

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini dalam analisis kesetaraan bahawa kedua-dua institusi telah menawarkan bentuk pengajian yang sistematik.

Namun begitu, tanpa dibatasi oleh syarat atau keperluan dari pihak berwajib, MMUSP mempunyai kelebihan untuk memenuhi tahap-tahap pengajian hadis yang telah ditetapkan oleh ulama sebelum ini. Secara umum, terdapat tiga peringkat pengajian bagi pelajar-pelajar di MMUSP, iaitu pertama, peringkat "*Dars al-Nizami*" daripada tahun pertama hingga tahun keenam. Kedua, peringkat "*Dawrah al-Hadith*" pada tahun ketujuh dan kelapan. Ketiga, peringkat lanjutan "*Takhassus al-Hadith*" pada tahun kesembilan dan kesepuluh. Sukatan-sukatan hadis yang digubal pada setiap peringkat juga amat bersesuaian bermula dari tahap yang rendah kepada tahap yang lebih tinggi.

Berdasarkan peringkat-peringkat pengajian hadis di MMUSP, dapat dirumuskan keseluruhan mata pelajaran hadis yang diajar adalah sebagaimana di dalam jadual berikut :

Bil.	Peringkat	Tahun pembelajaran	Nama kitab
1.	Peringkat <i>Dars al-Nizami</i>	Tahun ketiga	<i>Riyad al-Salihin</i> oleh Imam al-Nawawi
		Tahun keempat	<i>Sharh Matan al-Bayquniyyah</i> oleh Sheikh 'Abd Allah Siraj al-Din
		Tahun kelima	<i>Nazhah al-Nazar syarah Nukhbar al-Fikar</i> oleh al-Hafiz Ibn Hajar
		Tahun keenam	<i>Matn al-Taqrīb Wa al-Taysir</i> oleh Imam al-Nawawi <i>Misykat al-Masabih</i> oleh Imam al-Tabrizi
2.	Peringkat <i>Dawrah al-Hadith</i>	Tahun ketujuh dan kelapan	<i>Al-Jami' Al-Sahih</i> oleh al-Bukhari
			<i>Al-Jami' Al-Sahih</i> oleh Muslim
			<i>Al-Jami'</i> oleh al-Tirmizi
			<i>Sunan Abi Daud</i>
			<i>Sunan Al-Nasa'i</i>
			<i>Sunan Ibnu Majah</i>
			<i>Al-Muwatta'</i> oleh Imam Malik
<i>Syama'il Al-Tirmizi</i>			
			<i>Muqaddimah Ibnu Salah</i>

3.	Peringkat <i>Takhassus al-Hadith</i>	Tahun kesembilan dan kesepuluh	<i>Tadrib Al-Rawi</i> oleh Imam Al-Suyuti
			<i>Lamahat Min Tarikh Al-Sunnah</i> oleh Syeikh 'Abdul Fattah Abu Ghuddah
			<i>Al-Madkhal Ila 'Ulum al-Hadith Al-Syarif</i> oleh Maulana 'Abdul Malik
			<i>Al-Risalah Al-Mustatrafah</i> oleh Syeikh Muhammad Bin Jaafar Al-Kattani
			<i>Al-Raf' Wa Al-Takmil</i> oleh 'Abd al-Hayy al-Laknawi
			<i>Jam' Al-Jawami'</i> oleh Syeikh Muhammad Bin Ahmad Al-Mahalli
			<i>Tamrin Al-Takhrij</i>
			<i>Kitabah Al-Rasa'il</i>

Jadual 11 : Rumusan Keseluruhan Mata Pelajaran Hadis Yang Ditawarkan Di MMUSP

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat dengan jelas tahap pengajian hadis yang cukup sistematik yang dijalankan di MMUSP. Bagi pengajian kitab hadis, pelajar didedahkan bermula dengan kitab *Riyad al-Salihin* oleh Imam al-Nawawi dan seterusnya kitab *Misykat al-Masabih* oleh Imam al-Tabrizi di Peringkat "*Dars al-Nizami*" yang kedua-duanya merupakan kitab hadis yang tidak bersanad. Kemudian pada Peringkat "*Dawrah al-Hadith*", pelajar didedahkan pula dengan kitab-kitab hadis yang bersanad, iaitu *al-Kutub al-Sittah*, *Al-Muwatta'* oleh Imam Malik dan *Syama'il Al-Tirmizi*. Setelah tamat, baru para pelajar diijazahkan dengan sanad hadis sebagaimana tradisi ulama hadis dahulu yang akan menghubungkan pelajar melalui sanad tersebut kepada imam-imam pengarang kitab-kitab berkenaan.

Bagi kitab '*Ulum al-Hadith*' pula, pelajar didedahkan bermula dengan kitab *Sharh Matan al-Bayquniyyah* oleh Sheikh 'Abd Allah Siraj al-Din, diikuti dengan kitab yang lebih tinggi tahapnya, iaitu kitab *Nazhah al-Nazar* oleh al-Hafiz Ibn Hajar dan seterusnya *Matn al-Taqrif Wa al-Taysir* oleh Imam al-Nawawi. Ketiga-tiga kitab ini sudah mencukupi bagi para pelajar untuk mereka mengenali disiplin 'ulum al-hadith dengan baik. Malah, jika pelajar berminat untuk meneruskan pengajian di Peringkat *Takhassus al-Hadith*, mereka akan didedahkan dengan disiplin *Ulum Al-Hadith* yang lebih mendalam melalui kitab-kitab unggulnya seperti *Muqaddimah Ibnu Salah*, *Tadrib Al-Rawi* oleh Imam Al-Suyuti, *Lamahat Min Tarikh Al-Sunnah* oleh Syeikh 'Abdul Fattah Abu Ghuddah dan sebagainya.

Ringkasnya, pelajar MMUSP yang berjaya menamatkan ketiga-tiga peringkat pengajian ini selama 10 tahun serta menguasai kesemua sukatan pengajiannya merupakan graduan hadis yang bukan calang-calang serta mempunyai wibawa dan kualiti ilmu hadis yang cukup cemerlang.

7.5 Penekanan Terhadap Kutub Al-Sittah

Para ulama sejak dahulu cukup mengambil berat dan memberi penekanan dalam mempelajari al-Kutub al-Sittah, yang merangkumi kitab *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Jami' al-Tirmizi*, *Sunan Abi Dawud*, *Sunan al-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah*. Ini kerana kitab-kitab tersebut merupakan kitab hadis utama yang menjadi pegangan umat Islam dan kandungannya pula meliputi kesemua aspek hukum hakam di dalam Islam. (al-Mizzi 1983: 1/3)

Al-Kutub al-Sittah menduduki kedudukan teratas di antara kitab-kitab hadis yang lain kerana kebanyakan hadis-hadisnya adalah sahih, *masyhur* dan diterima, yang telah diwarisi oleh seluruh umat Islam dari dahulu hingga kini tanpa terputus dan terhenti sedikitpun. Para ulama hadis pula telah memberi perhatian yang cukup sempurna dalam meriwayatkan kitab-kitab ini, memelihara ketulenannya, menyebarkannya serta mengajarkannya kepada para penuntut ilmu melalui tradisi pengajian hadis secara bersanad. (al-Qinnawji, 1987: 30)

Penekanan yang diberikan oleh MMUSP kepada *Kutub al-Sittah* ini dapat dilihat dengan jelas pada peringkat Dawrah al-Hadith :

Dawrah al-Hadith (Tahun Pertama)	<i>Al -Jami' Al-Sahih Li al-Bukhari</i>
	<i>Al -Jami' Al-Sahih Li Muslim Jilid 1</i>
	<i>Al-Jami' Li al-Tirmizi Jilid 2</i>
	<i>Sunan Abi Daud Jilid 1</i>
	<i>Syama'il Al-Tirmizi</i>
Dawrah al-Hadith (Tahun Kedua)	<i>Al -Jami' Al-Sahih Li al-Bukhari</i>
	<i>Al -Jami' Al-Sahih Li Muslim Jilid 2</i>
	<i>Al-Jami' Li al-Tirmizi Jilid 2</i>
	<i>Sunan Abi Daud Jilid 2</i>
	<i>Al-Muwatta'</i>
	<i>Sunan Al-Nasa'i</i>
	<i>Sunan Ibnu Majah</i>

Jadual 12: *Kutub al-Sittah* yang ditawarkan di MMUSP

Jadual di atas menunjukkan seluruh kitab hadis yang digunakan pada Dawrah al-Hadith iaitu *Kutub al-Sittah* (6) dan tambahan lagi *Syama'il al-Tirmizi* dan *Al-Muwatta'* menjadikannya 8 buah semuanya.

Pada peringkat ini pelajar akan didedahkan dengan pembacaan keseluruhan Sahih al-Bukhari dengan bacaan yang cepat dan syarahan yang ringkas. Manakala pembacaan bagi *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan al-Nasa'i* adalah berdasarkan kitab-kitab dan bab-bab tertentu yang dibahagikan antara kelima-lima *al-Kutub al-Sittah* itu. (Faisal Ahmad Shah, 2016).

Mempelajari *al-Kutub al-Sittah* merupakan antara syarat untuk meneroka *Ilmu Asrar al-Hadith*. Ia adalah ilmu syariat yang paling mendalam kerana melalui ilmu ini seseorang merasa jelas tentang hukum syarak. Namun begitu, ini adalah ilmu yang paling sedikit diterokai. Untuk menerokai ilmu ini, seseorang perlu menguasai ilmu-ilmu alat yang membantu untuk memahami al-Quran dan al-Hadith terutama sekali *talaqqi musyafahah kutub al-sittah* (Maulana Hussein Abdul Kadir, 2015)

Bukan itu sahaja, terdapat penambahan dua lagi kitab hadis selain *Kutub al-Sittah* iaitu *Syama'il al-Tirmizi* dan *Al-Muwatta'*. Kedua-dua kitab ini cukup istimewa kerana beberapa faktor. Antaranya kitab *Syama'il al-Tirmizi* khusus menghimpunkan hadis-hadis mengenai akhlak dan peribadi Rasulullah SAW. Manakala kitab *al-Muwatta'* pula merupakan kitab hadis yang paling sahih dan unggul sebelum kemunculan *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Kerana itu, para ulama sejak dahulu cukup memberi perhatian terhadapnya dalam meriwayatkan serta mendalami isi kandungan kitab ini. (al-Qinnawji, 1987: 274-275)

8. Kesimpulan

Analisis dan perbandingan yang dibuat menunjukkan terdapat perbezaan di antara kedua-dua institusi terbabit kerana perbezaan bentuk pengajian hadis yang diaplikasi dalam pengajian hadisnya dan juga kaitannya dengan agensi-agensi pemantauan akademik.

Secara jelasnya, MMUSP mewakili madrasah pengajian Deoband yang menumpukan kepada pengajian hadis secara dominan dan kewajipan memahirkan diri dengan karya-karya turath secara mendalam. Pemerhatian juga menunjukkan MMUSP tidak mempunyai ilmu-ilmu semasa seperti aplikasi ICT dan isu-isu semasa dalam pengajian hadis. Keadaan ini mungkin disebabkan fokus utama pengajian hadis di MMUSP ini adalah kepada ilmu hadis secara turath walaupun ia mengambil masa yang lama bagi pelajar untuk menamatkannya. Ia boleh dilaksanakan tanpa banyak kekangan kerana tidak terikat dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan lain-lain agensi pemantauan.

JQS pula sebagai institusi formal pula adalah sebaliknya. Ia adalah terikat dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan lain-lain agensi pemantauan dan untuk menawarkan mata pelajaran atau jam kredit atau tempoh masa secara wewenangnya adalah sukar. JQS juga dilihat menawarkan beberapa pelajaran bersifat semasa kerana melihat kepada keperluan semasa pelajarannya yang akan berdepan dengan masyarakat yang celik IT. Dalam masa yang sama ia tidak mengabaikan beberapa mata pelajaran bersifat turath walaupun penekanan terhadap karya-karya berkaitan tidak mendalam sebagaimana MMUSP.

Sekiranya diperhatikan bahawa tempoh pengajian MMUSP sebanyak 8 tahun itu adalah hampir sama dengan tempoh pengajian Diploma dan Sarjana Muda bagi JQS iaitu sebanyak 6 ½ tahun. Manakala lagi tambahan 2 tahun *Takhasus Fi Al-Hadis* MMUSP adalah bersamaan dengan 2 tahun pengajian JQS di peringkat Sarjana. Maka adalah tidak tepat jika menganggap pengajian MMUSP adalah terlalu lama berbanding pengajian formal di IPT Malaysia.

MMUSP telah menampilkan beberapa kelainan dalam pendekatan pengajiannya. Sekiranya pendekatan ini dapat diaplikasikan ia mampu memperkasakan pengajian hadis yang ada, sama ada secara formal atau tidak formal.

Rujukan

- Abdul Manan Ismail. 2005, *Kaedah-Kaedah Fiqh: Satu Pengenalan Ringkas*, Isu 2, Universiti Sains Islam Malaysia : Nilai.
- Al-Khatib al-Baghdadi. 1417. *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Muqarrar li Manhaj al-Dirasi bagi Miftah Darul Ulum Sri Petaling.
- Al-Qinnawji, 1987, *al-Hittah fi Zikr al-Sihhah al-Sittah*, Beirut : Dar al-Fikr.
- Faisal Ahmad Shah, 2016, *Pengajian Hadis di India dan Pengaruhnya di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli, and Latifah Abdul Majid, and Mohd Arif Nazri. 2013. Penerokaan talaqqi bersanad (TB) dalam Pengajian Hadis di Malaysia, *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 35 (2).
- Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah. 2010. *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh-Karya-Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Fauzi Deraman. 1998. *Karya-Karya Hadith Dalam Tulisan Jawi*. Jurnal Usuluddin 7(7): 163-174.
- Hasyim Asy'ari, Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Qur'an, *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam (Nidhomul Haq)*. Volume 1 (01) 21-28.
- Husen Hasan Basri. 2012. *Pengajaran Kitab-Kitab Fiqih Di Pesantren*. 2012. Edukasi Volume 10, Nomor 1, Januari-April.
- Ibn al-Salah. 1986. *'Ulum al-Hadith*. Tahkik: Nur al-Din 'Itr. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Maulana Hussein Abdul Kadir. 2015, *Tahap Pengajian Hadith*, Jabal Maraqqy Sdn. Bhd. : Kota Bharu, Kelantan.
- Mohd Nasran Mohammad, Anwar Fakhri Omar, Mohd Zamro Muda, *Metodologi Fiqh*, Bangi : JQS FPPI UKM,
- Muhadir Haji Joll, 2017, *Misbah al-Duja : Syarah Safinah an-Naja*, Galeri Ilmu : Petaling Jaya, Selangor.
- Muhammad Arif Yahya, Jawiah Dakir, Najah Nadiah Amran, 2107. Application of Hadith Memorization Methods in Teaching and Learning: The National University of Malaysia's Experiences, October 2017, *Turkish Online Journal of Educational Technology*
- Muhammad Faidz Bin Mohd Fadzil, Dr. Fauzi Bin Deraman & Selamat B. Amir, 2014. *Pengajian Hadith Di Institusi Formal & Non Formal Di Malaysia*, HADIS: Jurnal Ilmiah Berimpak. Tahun Keempat, Bil : 7, Syaaban 1435H, (Jun 2014).
- Ustaz Syamsul Niza, Ustaz Luqman Nul Hakim dan Ustaz Abdullah Marbuqi (2018, September 27). Silibus dan Bentuk Pengajian Hadis di Miftah Darul Ulum Sri Petaling [Temubual].